

Perbicaraan kes IMDB

# Najib lulus cadangan pinjaman RM6.17b

## Biayai pengambilalihan ekuiti Tanjong Energy: Saksi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, Siti Nurazlinee Azmi dan Farah Marshita Abdul Patah bhnews@bharian.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meluluskan cadangan pinjaman RM6.17 bilion oleh Malaysia Development Berhad (IMDB) bagi membiayai sebahagian daripada pengambilalihan ekuiti Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd (TEHSB).

Pengambilalihan 100 peratus syarikat tenaga itu dibuat melalui anak syarikat IMDB, iaitu IMDB Energy Sdn Bhd.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif IMDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, mengesahkan perkara itu ketika dirujuk dengan surat bertarikh 26 Mac 2012 berhubung kelulusan pinjaman berkenaan.

Saksi pendakwaan kesembilan itu ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram, berkata kelulusan pinjaman mesti diperoleh selepas

mendapat kelulusan dalaman daripada Ahli Lembaga Pengarah (BOD) IMDB dan kelulusan pemilik saham IMDB iaitu Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc) iaitu Najib.

Shahrol Azral berkata, dokumen pinjaman RM6.17 bilion itu ditandatangani selaku Pengarah IMDB (ketika itu) bertarikh 17 Mei 2012, dan syarikat audit KPMG dilantik bagi mengeluarkan *Offering Circular* (Pekeliling Tawaran) untuk IMDB Energy

Sementara itu, Shahrol Azral ketika membacakan pernyataan saksi, berkata beliau juga menandatangani dokumen Perjanjian Fasiliti Pinjaman diperoleh IMDB Energy daripada Maybank Investment Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad bernilai RM6.17 bilion bertarikh 17 Mei 2012.

Beliau berkata, perjanjian dibuat antara IMDB Energy Sdn Bhd dengan Maybank Investment Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad sebagai *Joint Man-*



Shahrol Azral di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Muhd Zaaba Zakeria/BH)

*dated Lead Arrangers* (Pengatur Mandat Bersama) dan *The Financial Institutions Set Out In The First Schedule*, iaitu Maybank Investment Bank Berhad sebagai ejen pemberi kemudahan pinjaman terbabit.

Ketika disoal Sri Ram pada prosiding pemeriksaan utama, mengenai keuntungan yang diperoleh daripada pengambilalihan TEHSB, Shahrol Azral berkata, sepatutnya IMDB membuat keuntungan daripada proses (pe-

*Keuntungan yang sepatutnya berlaku iaitu apabila entiti itu disenaraikan secara umum, ia tidak pernah berlaku.*

**Shahrol Azral Ibrahim Halmi, Saksi**

ngambil alihan) itu.

"Bagaimanapun penyenaiaan awam THESB (di Bursa Saham) tidak berlaku... Saya tidak ingat jika ada sebarang aliran masuk wang tunai selepas pengambilalihan itu.

"Keuntungan yang sepatutnya berlaku iaitu apabila entiti itu disenaraikan secara umum, ia tidak pernah berlaku," katanya.

Sementara itu, Shahrol Azral berkata lebih wang daripada deposit sekuriti berjumlah AS\$577 juta bagi pembiayaan pengambilalihan ekuiti TEHSB diselewengkan ahli perniagaan yang dikehendaki pihak berkuasa, Low Taek Jho atau Jho Low.

Shahrol Azral berkata, deposit sekuriti itu dibayar kepada Aabar Investment PJS Ltd di BSI Bank SA, Lugano, Switzerland daripada akaun Falcon Private Bank (Hong Kong) milik Malaysia Energy Limited (IMEL). Aabar adalah syarikat yang menjalankan usaha sama dengan IMDB.

Bagaimanapun, Shahrol Azral

berkata, beliau hanya mengetahui berkaitan penyelewengan itu selepas siasatan dijalankan.

Saksi itu berkata, pengambilalihan 100 peratus ekuiti TEHSB oleh IMDB menggunakan "bridging loan" (pinjaman jangka pendek) berjumlah RM6.17 bilion dan terbitan bon berjumlah AS\$1.75 bilion, selesai pada Jun 2012.

"Terdapat lebih banyak daripada hasil pembiayaan untuk pengambilalihan itu, tetapi saya langsung tidak tahu menahu bahawa lebih untuk pembayaran depositi sekuriti kepada Aabar adalah untuk diseleweng.

"Ia dibuat secara 'good faith' (baik) berdasarkan dokumentasi yang disediakan oleh Jasmine Loo Ai Swan (peguam IMDB), Terence Geh (bekas pengarah kewangan) dan Tim Leissner (CEO Goldmans Sachs Global).

"Saya pasti tidak akan meluluskan 'remittance' pengeluaran itu sekiranya saya tahu bahawa ia adalah untuk diseleweng," katanya.